

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	10 FEB 2015



Dr Mahathir menerima cenderahati daripada Valdes (kanan) sambil diperhatikan Dr Noor Azlan selepas menghadiri majlis **syarahan umum** sempena ulang tahun ke-40 hubungan dua hala Malaysia-Cuba di Bangi, semalam.

[FOTO ROSELA ISMAIL/BH]

## Jangan campur urusan negara lain

BH  
-10/2/2015

**Bangi:** "Dunia akan mengecapi keamanan jika tiada negara yang cuba campur tangan dalam urusan negara lain," kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, ketika negara di dunia mempunyai pelbagai ideologi seperti demokrasi dan komunis, keamanan mampu dipertahankan jika setiap negara menghormati kedaulatan masing-masing.

Katanya, semua pihak perlu berhenti mengarahkan orang lain bagaimana untuk berfikir dan berkelakuan, terutama cara memimpin negara.

"Ada pepatah Melayu, seperti 'ketam cuba mengajar anaknya berjalan' sedangkan pada haki-

katnya ketam tidak berjalan lurus, maka semua negara perlu menghormati hak negara lain dari aspek ideologi, pentadbiran dan hala tuju negara kerana itu hak rakyat negara terbabit.

"Kita tidak boleh dipengaruhi negara lain, kita kena ada cara sendiri, maka kita juga tidak sepatutnya mencampuri urusan negara lain.

"Jangan jaga tepi kain orang, barulah dunia akan aman dan kita akan dapat dunia yang lebih baik.

### Dasar tidak campur tangan

"Seperti hubungan Malaysia dan Cuba yang sudah terjalin erat atas dasar tidak campur tangan sejak

40 tahun lalu... sepanjang jalinan itu, saya tidak pernah lihat Malaysia cuba mencampuri pentadbiran dan ideologi, begitu juga sebaliknya.

"Apa yang dipraktikkan Cuba, adalah hak mereka," katanya.

Beliau berkata demikian kepada majlis syarahan umum sempena ulang tahun hubungan dua hala antara Malaysia dan Cuba kali ke-40 anjuran Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Duta Cuba ke Malaysia, Ruben Perez Valdes; Naib Canselor UKM, Prof Datuk Dr Noor Azlan Ghazali dan Pengerah IKMAS, Prof Dr Rashila Ramli.

Dalam ucapannya itu, Dr Mahathir menyifatkan DAP bukanlah sebuah parti berfahaman komunis tetapi lebih cenderung kepada cara autoritarian yang menjadikan ahli keluarga sebagai legasi pemerintahan.